

11 Mac 2026
GS/MY-008/MAR2026

Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Perbendaharaan 2 Aras 5,
Presint 2
62100 Putrajaya
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan,

PERKARA : PENYELARASAN HARGA WPUA MALAYSIA AIRLINES BERHAD BAGI PECAHAN HARGA TIKET

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dengan ini kami ingin memaklumkan bahawa penyelarasan harga WPUA Malaysia Airlines bagi pecahan harga tiket akan berkuat kuasa serta merta sehingga harga baru akan diperkenalkan nanti.

Penyelarasan ini selaras dengan perubahan harga bahan api (fuel surcharge) bagi semua sektor melibatkan penerbangan Malaysia Airlines. Sepanjang tempoh penyelarasan ini pihak tuan/puan akan mendapati harga tiket 'base fare' akan lebih rendah dari biasa dan harga cukai akan naik bagi menyelaraskan dengan harga WPUA sedia ada.

Namun yang demikian, harga keseluruhan WPUA Malaysia Airlines masih sama sehingga diberitahu kelak bagi tempoh sekarang hingga 15 Mac 2026.

Mohon pihak tuan/puan dapat membuat edaran maklumat ini kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan kami di mygomsales@malaysiaairlines.com untuk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Nur Hayati Aziz Rashid

Ketua Jualan Komersial Sabah, Sarawak dan Kerajaan Malaysia